



MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 Jld. 2 (19)

TARIKH : 21 Februari 2011

| | |
|--|------------------------|
| PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL. 4 TAHUN 2011 PENYELENGGARAAN KOMPUTER SECARA "DIY" | |
| DARIPADA : Pengarah CIAST | SALINAN: KP JPK |
| KEPADA : Semua Kakitangan CIAST MELALUI : TP dan Semua Ketua Bahagian/Program | |

1. TUJUAN

Memaklumkan mengenai penyelenggaraan komputer desktop masing-masing secara "Do It Yourself (DIY)".

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Banyak rungutan dari kakitangan mengenai penyelenggaraan komputer yang dijalankan oleh pihak kontraktor luar yang telah dilantik.
- 2.2 Setiap kakitangan adalah bertanggungjawab terhadap komputer masing-masing dengan menjaga dan juga menyelenggara mengikut jadual masa yang telah ditetapkan.
- 2.3 Penyelenggaraan secara DIY ini akan dapat menjimatkan kos jabatan kerana penyelenggaraan hanya melibatkan kerja-kerja asas dan luaran sahaja.

3. ARAHAN

- 3.1 Semua kakitangan CIAST adalah dikehendaki melakukan penyelenggaraan komputer masing-masing secara DIY.
- 3.2 Kakitangan CIAST boleh menghubungi pihak PEM untuk memohon bantuan sekiranya terdapat sebarang masalah semasa proses penyelenggaraan ini dilakukan.

- 3.3 Arahan atau senarai semak kerja-kerja penyelenggaraan dan langkah-langkah lengkap penyelenggaraan komputer adalah seperti di Lampiran 1 dan 2.
- 3.4 Pastikan semua perisian yang digunakan adalah asli bagi mengelakkan masalah yang mungkin timbul akibat penggunaan perisian tersebut.
- 3.5 Semua 'thumbdrive external harddisk' hendaklah di scan sebelum digunakan.
- 3.6 Peralatan menyelenggara komputer seperti kain pengelap monitor boleh didapati dari Unit Stor Bahagian Pentadbiran.


4. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pengurusan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh memo ini diedarkan.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan semua kerja-kerja penyelenggaraan ini dapat dijalankan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
'Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi'



(GHAZLAN BIN GHAZALI)
Pengarah CIAST

Lampiran 1

PROSEDUR PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN BAGI KOMPUTER KAKITANGAN

| BIL | PENYELENGGARAAN PERKAKASAN | KEKERAPAN |
|------------|--|------------------|
| 1. | Bersihkan bahagian pengudaraan CPU dan monitor daripada sebarang habuk dan objek. | MINGGUAN |
| 2. | Pastikan habuk dan objek tidak dapat memasuki bahagian CD-ROM. | MINGGUAN |
| 3. | Bersihkan skrin monitor menggunakan kain lembut dan pembersih skrin. | MINGGUAN |
| 4. | Pastikan semua kabel (termasuk internet) pada belakang CPU tersusun dengan kemas dan betul. | MINGGUAN |
| 5. | Semua sambungan kabel pada belakang CPU dan monitor disambung dengan betul dan ketat. | MINGGUAN |
| 6. | Pusingkan papan kekunci ke bawah untuk memastikan kotoran pada celah kekunci dikeluarkan. | BULANAN |
| BIL | PENYELENGGARAAN PERISIAN | KEKERAPAN |
| 1. | Kemaskini perisian antivirus untuk mendapatkan version dan patem antivirus yang terkini (jika tidak diupdated secara automatik). Rujuk lampiran 2. | HARIAN |
| 2. | Scan virus untuk keseluruhan sistem bagi memastikan PC bebas dari virus. Rujuk lampiran 2. | MINGGUAN |
| 3. | Lakukan 'defragment' pada sistem Windows. Rujuk lampiran 2. | BULANAN |

MANUAL PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN

1. Tatacara Menjalankan Disk Defragmentation Pada Windows XP/Windows 7

1.1 Klik Start dan kemudian pilih My Computer/Computer . Kemudian, skrin seperti gambarajah 1 akan dipaparkan.

1.2 Klik kanan pada drive C. Kemudian pilih properties pada menu yang dipaparkan (Gambarajah 2)



Gambarajah 1




Gambarajah 2


1.3 Klik pada tab Tools(gambarajah 3), kemudian klik pada butang Defragment Now.

1.4 Aplikasi Disk Defragmenter akan dipaparkan pada skrin. Sila pilih drive untuk dijalankan proses defragmentation. Kemudian klik pada butang Defragment Disk/Defragment (windows XP). Tunggu sehingga proses defragmentation selesai.

Nota : Sila pilih drive C, jika ingin melakukan defragmentation pada windows.




Gambarajah 3



Gambarajah 4

2. Tatacara Bagi Mengemaskini Perisian Kaspersky Antivirus Secara Manual

- 2.1 Klik dua kali pada icon kaspersky() pada toolbar disebelah bawah skrin komputer anda.
- 2.2 Aplikasi Kaspersky akan terpapar pada skrin. Kemudian pilih pada tab Update. Klik butang Start update untuk mengemaskini aplikasi antivirus. Pastikan komputer anda disambung pada talian internet.



Gambarajah 1


- 2.3 Proses update akan bermula. Bagi melihat status, klik pada details dan skrin seperti pada gambar 3 dibawah akan terpapar. Tunggu sehingga proses tamat.



Gambarajah 2



Gambarajah 3

Nota : Jika status adalah "Your computer is protected" (), ini bermakna aplikasi KAV adalah yang terkini.

3. Tatacara Bagi Scanning Hard Disk, Thumbdrive Dan External Hard Disk

3.1 Klik Start dan kemudian pilih Computer/My Computer. Skrin seperti di bawah akan dipaparkan.



Gambarajah 1

3.2 Klik kanan pada hard disk atau thumbdrive yang perlu scanning dengan antivirus. Kemudian pilih Scan For Viruses. KAV akan mula menjalankan proses scanning pada disk yang dipilih seperti contoh yang dipaparkan pada gambarajah 3. Sila tunggu sehingga proses scanning tamat.



Gambarajah 2



Gambarajah 3